



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 15/10/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Hakisan pantai

# Syor tambah benteng pemecah ombak

Kaedah berkesan tangani masalah terutama di lokasi kritikal

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu membina lebih banyak benteng pemecah ombak bagi menangani masalah hakisan pantai terutama di kawasan kritikal. Pengarah Institut Kejuruteraan Pantai dan Lepas Pantai (IKPLP) Universiti Teknologi

Malaysia (UTM), Prof Dr Ahmad Khairi Abd Wahab, berkata benteng pemecah ombak antara kaedah berkesan menghalang hakisan ombak.

"Kerajaan perlu mengutamakan perancangan seperti langkah meningkatkan daya tahan sebelum zon pantai yang terbahit bakal berdepan kesan buruk pada masa depan.

"Tidak dinafikan kos pembinaannya (benteng pemecah ombak) tinggi memabitkan jutaan ringgit, tetapi ia penting supaya perkara ini dapat ditangani," katanya ketika dihubungi BH semalam.

BH semalam melaporkan masalah hakisan pantai terutama di Semenanjung berterusan bi-

arpun pelbagai usaha membabitkan kos berbilion ringgit sudah diambil pihak berkuasa untuk membendungnya sejak beberapa tahun lalu.

Pantai di Terengganu, Kelantan, Johor dan Melaka dikesan mengalami hakisan teruk sehingga menyebabkan penempatan tepi pantai berisiko ditelan ombak serta terjejas.

Bagi menangani kos pembinaan benteng pemecah ombak yang tinggi, Ahmad Khairi berkata, kerajaan perlu melakukan kajian dan eksperimen bagi mencari kaedah terbaik dalam membina benteng berkenaan.

"UTM sendiri ada melakukan kajian dan berjaya menghasil-

Nasional

## Penempatan tepi pantai ditelan ombak

Faktor semula jadi, hujan angin monsun antara punca hakisan teruk berlaku

Ekspresif



Keratan akhbar BH, semalam.



Ahmad Khairi Abd Wahab

kan mekanisme seperti benteng pemecah ombak pada harga berpatutan dan terbukti mampu mengurangkan tenaga ombak dikenali sebagai *Hydrochese*.

"*Hydrochese* ialah struktur konkrit yang diletakkan dalam air bertindak sebagai pengawal hakisan, mengurangkan tenaga ombak dan juga sebagai tukulun tiruan," katanya.

Semnit *Hydrochese* memiliki lebar 1.5 meter dihasilkan pada anggaran RM2,000.